

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN HARTA INDIVIDU ISLAM YANG MENGHIDAP GANGGUAN IDENTITI DISOSIATIF: ANALISIS FIQH DAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA

MANAGEMENT AND ADMINISTRATION OF PROPERTY FOR ISLAMIC INDIVIDUALS WITH DISSOCIATIVE IDENTITY DISORDER: AN ANALYSIS OF FIQH AND MALAYSIAN LAW

Muhammad Fadzil Abdul Hadi ^{1*}
Yazid Ahmad ²

¹ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. (E-mail: fadzilyta246@gmail.com)

² Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. (E-mail: yazid@ukm.edu.my)

*Corresponding author: fadzilyta246@gmail.com

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 13-9-2026

To cite this document:

Abdul Hadi, M. F., & Ahmad, Y.(2026). Pengurusan dan pentadbiran harta individu Islam yang menghidap gangguan identiti disosiatif: Analisis fiqh dan perundangan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 1 – 13.

Abstrak: Islam memberikan penekanan yang signifikan terhadap pemeliharaan akal dan harta manusia sebagai sebahagian daripada objektif utama Maqasid Syariah. Keupayaan seseorang individu untuk mengurus dan mentadbir hartanya bergantung kepada tahap kelayakan undang-undang (ahliyyah), khususnya keupayaan memahami dan melaksanakan tasarruf harta secara sah menurut hukum syarak. Walau bagaimanapun, Gangguan Identiti Disosiatif (Dissociative Identity Disorder) merupakan gangguan mental kompleks yang dicirikan oleh kewujudan dua atau lebih identiti berbeza yang disertai gangguan ingatan atau amnesia disosiatif, di mana tahap kesedaran, kawalan diri dan kefahamannya bersifat situasi, fluktuatif dan tidak berterusan. Kajian ini bertujuan untuk menentukan kedudukan ahliyyah dan tasarruf harta pesakit DID menurut fiqh Islam, mengkaji kelompangan undang-undang di Malaysia, serta mengemukakan cadangan pemerkasaan tadbir urus harta bagi golongan ini. Menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kandungan dan analisis tematik terhadap sumber fiqh, perundangan, literatur klinikal serta data temu bual pakar, kajian mendapati status kelayakan bertindak pesakit DID tidak boleh dihukum secara mutlak, sebaliknya diqiaskan kepada *junūn ghayr mutbaq* dan *'atah*. Tasarruf harta sah ketika berada dalam fasa identiti utama (*host*), manakala fasa peralihan identiti (*alter*) menafikan elemen *rusyd*, *al-qasd*, dan *al-ridha* sehingga menjadikan akad terbatal atau tertakluk kepada pengesahan. Kajian turut mendapati wujud kelompangan dalam Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang mengguna pakai pendekatan binari yang tegar. Justeru, cadangan pemerkasaan dikemukakan merangkumi pindaan berasaskan pendekatan *decision-specific* dan *time-specific capacity*, penyediaan garis panduan forensik psikiatri di mahkamah, serta pemerkasaan instrumen wakalah, wisayah dan amanah bersyarat.

Kata Kunci: *Gangguan Identiti Disosiatif, Ahliyyah al-Ada', Tasarruf Harta, Akta Kesihatan Mental 2001, Maqasid Syariah.*

Abstract: *Islam places significant emphasis on the preservation of the human intellect and wealth as part of the core objectives of Maqasid Shariah. An individual's capability to manage and administer their wealth depends on the level of legal capacity (ahliyyah), particularly the capacity to comprehend and execute property transactions (tasarruf) legally according to Islamic law. However, Dissociative Identity Disorder (DID) is a complex mental disorder characterized by the existence of two or more distinct identities accompanied by memory disturbance or dissociative amnesia, in which the individual's level of consciousness, self-control, and comprehension are situational, fluctuating, and intermittent. This study aims to determine the status of ahliyyah and property disposition (tasarruf) of DID patients from the perspective of Islamic jurisprudence (fiqh), examine the statutory legal gaps in Malaysia, and propose legal empowerment mechanisms for the property governance of this group. Employing a qualitative approach based on content analysis and thematic analysis of jurisprudential sources, legislation, clinical literature, and expert interview data, the study finds that the legal capacity to act (ahliyyah al-ada') of DID patients cannot be determined in absolute terms, but is instead analogized (qiyas) to junūn ghayr mutbaq (intermittent insanity) and 'atah (partial mental defect/dementia). Property transactions are valid when conducted during the primary identity phase (host), whereas the transitional identity phase (alter) negates the elements of rusyd (prudence), al-qasd (intent), and al-ridha (mutual consent), rendering the contract void or subject to ratification. The study also reveals existing loopholes in the Mental Health Act 2001 (Act 615) and the State Syariah Court Civil Procedure Enactments, which apply a rigid binary approach. Consequently, empowerment proposals are presented, including statutory amendments adopting a decision-specific and time-specific capacity approach, the formulation of psychiatric forensic guidelines for courts, and the enhancement of wakalah (agency), wisayah (executorship/guardianship), and conditional trust (amanah bersyarat) instruments.*

Keywords: *Dissociative Identity Disorder, Ahliyyah al-Ada', Property Transactions (Tasarruf), Mental Health Act 2001, Maqasid Shariah.*

Pengenalan

Islam sebagai satu sistem kehidupan yang menyeluruh memberikan penekanan yang signifikan terhadap pemeliharaan akal dan harta manusia sebagai sebahagian daripada objektif utama Maqasid Syariah. Pemeliharaan kedua-dua elemen ini bertujuan menjamin kesejahteraan individu dan kestabilan masyarakat. Dalam kerangka perundangan Islam, keupayaan seseorang individu untuk mengurus dan mentadbir hartanya bergantung kepada tahap kelayakan undang-undang (*ahliyyah*), khususnya keupayaan memahami dan melaksanakan *tasarruf* harta secara sah menurut hukum syarak. Seiring dengan perkembangan ilmu perubatan dan psikologi moden, pelbagai bentuk gangguan mental telah dikenal pasti sebagai faktor yang berpotensi menjejaskan fungsi kognitif dan keupayaan membuat keputusan individu. Gangguan-gangguan ini bukan sahaja memberi implikasi terhadap aspek kesihatan mental, malah turut menimbulkan kesan perundangan, terutamanya dalam urusan yang melibatkan hak, kewajipan dan harta. Oleh itu, persoalan berkaitan tahap kewarasan dan kelayakan undang-undang individu menjadi isu penting yang memerlukan penelitian dari sudut fiqh Islam (Kluft, 2005).

Antara gangguan mental yang semakin mendapat perhatian ialah Gangguan Identiti Disosiatif (*Dissociative Identity Disorder*) (DID), iaitu suatu keadaan psikologi yang dicirikan oleh

gangguan terhadap kesedaran dan identiti diri, sering berpunca daripada pengalaman trauma atau tekanan psikologi yang melampau sehingga menyebabkan pemisahan dalam pemikiran, emosi dan identiti individu (Aziz Shah, 2025). DID lazimnya melibatkan kewujudan dua atau lebih identiti berbeza dalam satu individu, yang disertai dengan gangguan ingatan atau amnesia disosiatif (American Psychiatric Association, 2013). Keadaan ini menjadikan tahap kesedaran, kawalan diri dan kefahaman individu bersifat tidak stabil serta berubah-ubah, sekali gus berpotensi menjejaskan keupayaan memahami kehendak dan implikasi undang-undang sesuatu perbuatan yang dilakukan.

Menurut tokoh usul fiqh Abdul Karim Zaidan (2009) dalam kitabnya *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, konsep *Awarid al-Ahliyyah* merangkumi keadaan atau faktor mendatang yang boleh menjejaskan, mengurang atau menghapuskan kelayakan seseorang individu untuk bertindak secara sah di sisi syarak. Halangan-halangan ini diklasifikasikan kepada *Awarid al-Samawiyyah* yang bersifat semula jadi atau di luar kawalan manusia seperti gila, nyanyuk dan tidur, serta *Awarid al-Muktasabah* yang berpunca daripada perbuatan atau pilihan manusia seperti jahil, mabuk dan tersilap. Kewujudan halangan ini memberi kesan langsung kepada *Ahliyyah al-Ada'* (kelayakan bertindak) individu tersebut, sekali gus menentukan sama ada sesuatu tasarruf harta yang dilakukan itu dianggap sah, batal, atau tertakluk kepada pengesahan penjaga demi menjamin keadilan dan mengelakkan kemudaratannya.

Dalam konteks Malaysia, isu kesihatan mental semakin menjadi keprihatinan utama di mana jumlah panggilan Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) KKM mencatatkan peningkatan daripada 44,061 panggilan pada tahun 2020 kepada 212,319 panggilan pada tahun 2021/2022, iaitu peningkatan sebanyak hampir lima kali ganda (Berita Harian, 2022; Syura Syahidan, 2022). Perbahasan fiqh klasik banyak membincangkan isu ketidakwarasan akal seperti gila (*junūn*) dan kelemahan akal (*atah*) yang bersifat berterusan (Abu Zahrah, 1994). Sebaliknya, DID merupakan gangguan mental yang mempengaruhi akal serta bersifat situasi dan tidak berterusan, di mana tahap kesedaran, kefahaman dan kawalan diri individu boleh berubah-ubah mengikut keadaan dan masa tertentu (Monika et al., 2025). Dalam amalan perundangan semasa, Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) memperuntukkan mekanisme pengurusan harta di bawah Seksyen 63 secara umum tanpa memperincikan gangguan mental yang bersifat fluktuatif seperti DID.

Pernyataan Masalah

Ketidakjelasan Kedudukan Ahliyyah dalam Pengurusan dan Pentadbiran Harta Individu DID Menurut Fiqh Islam

Perbahasan fiqh Islam secara tradisional telah menggariskan konsep ahliyyah sebagai asas kepada penentuan kelayakan undang-undang seseorang individu, termasuk dalam pengurusan dan tasarruf harta. Walau bagaimanapun, perbahasan tersebut lebih tertumpu kepada kategori gangguan akal yang bersifat umum seperti tiada kelayakan bertindak dari sudut hukum (*'adam ahliyyah al-adā'*) atau dikenakan sekatan kelayakan dalam pengurusan harta (*al-hijr*), seperti kanak-kanak (*al-ṣaghīr*), gila (*al-junūn*), tidak pandai mengurus (*al-safīh*) dan kelemahan akal (*'atah*) (Ahmad, 2021), tanpa memberikan penjelasan khusus terhadap gangguan mental yang dapat mempengaruhi akal serta bersifat kompleks seperti DID. Pengurusan harta seperti jual beli, hibah, wasiat dan wakaf tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi memastikan keabsahan tasarruf harta menurut hukum syarak, di mana syarat utama yang ditekankan ialah kewujudan akal yang sempurna serta kelayakan individu untuk bertindak secara sah sebagaimana dihuraikan melalui konsep *ahliyyah al-wujūb* dan *ahliyyah al-adā'* oleh al-

Nawawi (2005) di samping penelitian terhadap faktor halangan kelayakan (*'awārid al-ahliyyah*).

Perubatan moden mencirikan DID dengan kewujudan dua atau lebih identiti yang berbeza dalam diri seseorang yang sering kali disertai dengan amnesia disosiatif (American Psychiatric Association, 2013), sekali gus menjadikan tahap kesedaran mereka tidak stabil dan berubah-ubah. Ketidakstabilan identiti ini disahkan oleh pakar psikiatri iaitu Dr. Tuan Syarifah binti Tuan Hadi (2026) melalui temu bual yang dijalankan yang mana beliau menyatakan bahawa gangguan kognitif tersebut menjejaskan keupayaan individu untuk memahami serta mengawal tindakannya secara konsisten, selain berpandangan ia boleh dianalogikan kepada keadaan gila atau lemah akal secara sementara. Justeru, isu ini menimbulkan persoalan sama ada individu yang menghidap DID memiliki tahap ahliyyah yang mencukupi untuk melaksanakan tasarruf harta secara sah ataupun tidak, di mana ketiadaan perbahasan fiqh yang jelas dan tuntas menimbulkan kesamaran terhadap kedudukan penghidap DID sama ada mereka boleh disamakan dengan kategori *junūn* atau *'atah* menurut perspektif fiqh Islam.

Kelompangan dalam Pemerkasaan Undang-Undang dan Pentadbiran Harta di Malaysia

Meskipun perundangan di Malaysia menyediakan mekanisme perlindungan harta bagi individu yang hilang keupayaan mental, kerangka sedia ada dikesan mempunyai kelompangan kritikal dari sudut pemerkasaan undang-undang dan pentadbiran harta, khususnya bagi mendepani gangguan yang bersifat fluktuatif (*intermittent/episodic capacity*) seperti DID. Di bawah pentadbiran Mahkamah Sivil, Bahagian X Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) memperuntukkan kuasa mahkamah untuk membuat siasatan (*inquiry*) serta melantik jawatankuasa (*committee*) bagi menguruskan harta individu yang mengalami kecelaruan mental. Walau bagaimanapun, pendekatan yang diguna pakai dalam Akta 615 bersifat biner dan tegas (*all-or-nothing approach*), di mana seseorang individu diisytiharkan sama ada siuman sepenuhnya atau tidak siuman secara menyeluruh, sekali gus tidak mengiktiraf konsep keupayaan khusus mengikut masa dan transaksi (*time-specific and decision-specific capacity*) serta melenyapkan hak pengurusan harta pesakit DID secara mutlak walaupun ketika mereka berada dalam fasa siuman (*host identity*).

Di samping itu, kelompangan yang berbangkit turut menjejaskan kelancaran pentadbiran harta orang Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Walaupun fiqh Islam mengiktiraf keadaan kecelaruan akal berselang-seli melalui konsep *junūn ghayr mutbaq* atau *at-tahlit*, peruntukan dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri masih belum menyediakan garis panduan prosedur yang jelas bagi membuktikan fasa kewarasan pesakit DID semasa sesuatu transaksi kewangan seperti hibah, wasiat, wakaf, atau pindah milik harta dilaksanakan. Ketiadaan mekanisme pembuktian klinikal-syarie yang khusus ini menimbulkan kesukaran di Mahkamah Syariah untuk menentukan sama ada sesuatu akad yang dibuat oleh pesakit DID terbatal secara mutlak (*bāṭil*) atau boleh dibatalkan (*fasakh/voidable*), mendedahkan harta pesakit kepada risiko pencerobohan dan eksploitasi, serta menjejaskan kepastian undang-undang (*legal certainty*) dan keadilan kepada pihak ketiga (*bona fide*) yang berkontrak tanpa mengetahui keadaan sebenar pesakit.

Keperluan kepada Cadangan Pemerkasaan Tadbir Urus Harta Pesakit DID

Pengurusan harta bagi penghidap DID bermula daripada prinsip fiqh yang menetapkan bahawa setiap tasarruf harta mestilah didasari oleh niat (*qasd*) serta kerelaan (*rida*) yang sah, selain menuntut penyelesaian melalui institusi perwalian (*wilayah*) bagi individu yang tidak memiliki

kelayakan bertindak yang sempurna (*Ahliyyah al-Ada' al-Naqisah*). Dalam konteks moden, ketiadaan kesedaran identiti asal semasa identiti alternatif (*alter*) menguasai diri pesakit menimbulkan kerumitan perundangan untuk menentukan identiti yang bertanggungjawab terhadap akad atau kontrak yang ditandatangani memandangkan status kewarasan mereka bersifat situasi dan sukar dibuktikan secara konsisten (Monika et al., 2025). Walaupun instrumen sedia ada seperti Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah memperuntukkan perlindungan melalui pelantikan wali atau pentadbir harta, mekanisme perundangan tersebut masih perlu ditambah baik bagi menangani sifat pesakit DID yang berubah-ubah.

Melalui sesi temu bual bersama seorang peguam berdaftar iaitu Tuan Muhammad Syahri bin Adnan (2026) yang berpengalaman mengendalikan kes-kes di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, beliau berpandangan bahawa Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) serta Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah wajar diteliti semula dan ditambah baik bagi menangani isu berkaitan individu yang menghidap DID. Menurut beliau, harta golongan ini berisiko tinggi untuk dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab akibat ketidakstabilan keupayaan membuat keputusan. Sehubungan itu, beliau menegaskan keperluan untuk mewujudkan satu mekanisme yang komprehensif bagi melindungi hak serta kebajikan individu yang menghidap DID, sekali gus menimbulkan persoalan dan keperluan mendesak terhadap cadangan memperkasa perundangan serta tadbir urus pengurusan harta orang Islam di Malaysia yang mengalami kecelaruan tersebut.

Persoalan Kajian

1. Apakah kedudukan ahliyyah dalam pengurusan dan pentadbiran harta individu Islam yang mengalami Gangguan Identiti Disosiatif (*Dissociative Identity Disorder*) menurut perspektif fiqh Islam?
2. Apakah kelompangan dalam pemerkasaan undang-undang dan pentadbiran harta individu Islam di Malaysia yang mengalami Gangguan Identiti Disosiatif (*Dissociative Identity Disorder*)?
3. Apakah cadangan memperkasa perundangan dan pengurusan harta individu Islam di Malaysia yang mengalami Gangguan Identiti Disosiatif (*Dissociative Identity Disorder*)?

Objektif Kajian

1. Menentukan kedudukan ahliyyah dalam pengurusan dan pentadbiran harta individu Islam yang mengalami Gangguan Identiti Disosiatif (*Dissociative Identity Disorder*) menurut perspektif fiqh Islam.
2. Mengkaji kelompangan dalam pemerkasaan undang-undang dan pentadbiran harta individu Islam di Malaysia yang mengalami Gangguan Identiti Disosiatif (*Dissociative Identity Disorder*).
3. Mengemukakan cadangan memperkasa perundangan dan pengurusan harta individu Islam di Malaysia yang mengalami Gangguan Identiti Disosiatif (*Dissociative Identity Disorder*).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berteraskan dua kaedah utama, iaitu pengumpulan data dan penganalisan data berasaskan reka bentuk analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis tematik (Braun & Clarke, 2019; Creswell & Creswell, 2018). Bagi metode pengumpulan data, kajian ini menggabungkan penggunaan sumber primer dan sekunder.

Pengumpulan data sekunder dilaksanakan menerusi analisis dokumen dengan meneliti teks statutori Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, kitab-kitab turath fiqh muktabar pelbagai mazhab (antaranya karya Al-Nawawi, Al-Kasani, Ibn Qudamah, Ibn 'Abidin, Al-Shatibi, Al-Zuhayli, Muhammad Taqi Usmani, Abd al-Wahhab Khallaf, dan Abdul Karim Zaidan), serta literatur saintifik psikiatri moden berindeks. Sementara itu, pengumpulan data primer dijalankan melalui temu bual separa berstruktur bersama pakar psikiatri klinikal iaitu Dr. Tuan Syarifah binti Tuan Hadi (Konsultan Psikiatri Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu) dan pengamal undang-undang iaitu Tuan Muhammad Syahri bin Adnan (Peguambela & Peguamcara Syarie Terengganu) bagi mendapatkan pandangan berautoriti berkaitan realiti klinikal serta cabaran dalam prosiding mahkamah.

Bagi metode analisis data, kajian ini mengaplikasikan kaedah deskriptif dan analisis tematik. Kaedah deskriptif digunakan bagi menghuraikan konsep-konsep utama seperti DID, konsep ahliyyah, pandangan para fuqaha, serta peruntukan perundangan berkaitan pengurusan harta secara naratif, sistematik dan tersusun. Seterusnya, kaedah analisis tematik diguna pakai bagi melaksanakan proses pengenalanpastian, pengelompokan dan penafsiran data berdasarkan tema-tema utama kajian yang merangkumi sifat fluktuatif DID, qiyas status ahliyyah, kelompangan statutori, serta strategi perlindungan harta. Pengintegrasian kaedah ini membolehkan sintesis dibuat secara komprehensif antara disiplin fiqh muamalat, sains perubatan psikiatri, dan sistem perundangan di Malaysia.

Sorotan Literatur

Konsep Gangguan Identiti Disosiatif (DID) Berpandukan Kajian Moden

Tinjauan literatur mendapati beberapa kajian membincangkan secara terperinci berkaitan DID, antaranya kajian oleh Kissa et al. (2025) yang mendapati bahawa punca DID bermula dari trauma dan tekanan stres yang melampau sehingga menyebabkan kemunculan identiti alternatif, yang menunjukkan bahawa DID bersifat tidak stabil dan boleh menjejaskan fungsi kognitif, emosi serta kawalan tingkah laku individu, khususnya dalam situasi tekanan. Selari dengan itu, kajian oleh Saxena et al. (2023) menghuraikan DID sebagai gangguan mental kompleks yang berpunca daripada trauma kanak-kanak kronik dan dicirikan oleh amnesia disosiatif serta peralihan identiti yang konsisten, sekali gus menimbulkan cabaran dalam penentuan tahap kefahaman dan kawalan diri individu. Kedua-dua kajian ini saling menyokong dalam menegaskan bahawa DID bersifat fluktuatif dan memberi kesan langsung terhadap keupayaan membuat keputusan rasional. Ciri-ciri ini diperincikan lagi oleh Monika et al. (2025) yang menjelaskan bahawa DID melibatkan kewujudan dua atau lebih identiti berbeza yang boleh bertukar (*switching*) secara tiba-tiba akibat tekanan psikologi atau rangsangan berkaitan trauma, di mana setiap identiti mempunyai corak pemikiran, ingatan dan tingkah laku tersendiri berserta amnesia disosiatif yang tidak konsisten.

Dari sudut empirikal dan neurobiologi, kajian oleh Martin J. Dorahy et al. (2014) dan Vedat Şar et al. (2017) mengesahkan bahawa DID merupakan gangguan perkembangan pascatrauma yang sah secara klinikal dan berpunca daripada trauma kronik kanak-kanak seperti penderaan fizikal atau seksual oleh figura penjaga, serta pembentukan ikatan tidak teratur (*disorganized attachment*). Kajian-kajian ini menolak pandangan bahawa DID bersifat iatrogenik atau lakonan semata-mata menerusi bukti neurobiologi yang menunjukkan pengurangan saiz hippocampus dan amygdala serta gangguan fungsi korteks orbitofrontal. Hal ini disokong oleh Aijia et al. (2024), Wiktor et al. (2021) dan McAllister (2000) yang menegaskan bahawa

disosiasi berfungsi sebagai mekanisme kelangsungan hidup yang adaptif bagi memisahkan diri daripada memori pahit, yang membawa implikasi kepada kestabilan emosi, kesedaran diri dan fungsi kognitif. Walau bagaimanapun, perbincangan kesemua kajian ini kekal tertumpu kepada aspek klinikal dan diagnostik tanpa mengupas implikasi perundangan serta kelayakan mengurus dan mentadbir harta menurut fiqh Islam

Konsep Ahliyyah Berhubung Ketidakwarasan Mental Menurut Fiqh Islam

Dalam perspektif fiqh Islam, konsep *ahliyyah* merupakan asas utama dalam menentukan kelayakan undang-undang seseorang individu, khususnya dalam urusan pengurusan dan *tasarruf* harta seperti jual beli, hibah, wasiat dan wakaf. Al-Nawawi (2005) dalam *Minhaj al-Thalibin wa Umdat al-Muftin fi al-Fiqh* membahagikan *ahliyyah* kepada *ahliyyah al-wujūb*, iaitu kelayakan seseorang untuk memiliki hak dan menanggung kewajipan, serta *ahliyyah al-adā'*, iaitu kelayakan untuk melaksanakan perbuatan hukum secara sah yang bergantung secara langsung kepada kesempurnaan akal dan tahap kesedaran. Ketidakwarasan mental dikategorikan sebagai '*awārid al-ahliyyah*' yang boleh menjejaskan, mengehadkan atau menggugurkan *ahliyyah al-adā'* tanpa menafikan *ahliyyah al-wujūb*. Seajar dengan itu, Abd al-Wahhab Khallaf (2020) dalam '*Ilm Uṣūl al-Fiqh*' menegaskan bahawa seseorang mukallaf yang sempurna mestilah memiliki *ahliyyah al-adā'* yang lengkap, manakala kecacatan akal menggugurkan atau mengehadkan kelayakan bertindak. Dalam *Fiqh al-Buyu' 'ala al-Mazhab al-Arba'ah*, Muhammad Taqi Usmani (2022) turut menekankan bahawa keabsahan akad muamalat berpaksikan kepada kesempurnaan akal (*al-'aql*) dan kematangan (*al-rusyd*), di mana gangguan fungsi akal menjejaskan rukun keredhaan (*al-ridha*) dan pilihan (*al-ikhtiyar*).

Kajian-kajian kontemporari turut memperkukuh analisis konsep *ahliyyah* ini. Muhammad Labib Syauqi dan Ahmad Yusuf Prasetiawan (2024) menegaskan bahawa '*awārid al-ahliyyah*' tidak menghilangkan hak asasi individu, sebaliknya syariat menekankan perlindungan harta dan sokongan membuat keputusan melalui mekanisme *wakalah* dan *wisāyah*, serta mencadangkan penafsiran semula kategori *majnūn* dan *ma'tūh* selari dengan diagnosis perubatan moden. Ahmad Bahrul Hikam dan Muh Anshori (2025) turut menghuraikan bahawa konsep *ahliyyah* bersifat dinamik dan berorientasikan pemeliharaan hak menerusi mekanisme *rukhsah* dan penyesuaian hukum. Selari dengan itu, kajian oleh Zuliza Mohd Kusrin et al. (2024) serta Tri Prima Widyaishwara dan Syaifudin Zuhdi (2023) menegaskan bahawa *ahliyyah al-ada'* tidak terhapus secara mutlak, sebaliknya sangat bergantung kepada tahap kesedaran dan kestabilan akal pada waktu sesuatu perbuatan hukum dilakukan demi memelihara *maslahah* dan mengelakkan eksploitasi. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut belum meneliti secara khusus aplikasi kerangka *ahliyyah* terhadap gangguan mental yang bersifat fluktuatif seperti DID.

Pengurusan dan Pentadbiran Harta Individu yang Mengalami Kekangan Mental

Berhubung isu pengurusan harta, kajian oleh Noor Lizza Mohamed Said et al. (2019) dan Ahmad (2021) menekankan fleksibiliti instrumen *wakālah*, *wisāyah* dan wasiat sebagai mekanisme perlindungan harta bagi individu yang menghadapi kekangan fizikal atau mental. Instrumen-instrumen tersebut berfungsi sebagai medium pemindahan kuasa yang sah di sisi syarak bagi memastikan urusan harta dapat ditadbir secara berterusan tanpa menafikan hak pemilik asal, selaras dengan prinsip perlindungan *maslahah* dan pencegahan kemudarat. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak mengupas secara khusus situasi keupayaan mental yang bersifat fluktuatif dan tidak statik seperti yang dialami oleh penghidap DID. Hal ini memperlihatkan keperluan kepada penyelidikan yang mengintegrasikan perbincangan fiqh *ahliyyah* dengan realiti gangguan mental moden bagi membentuk tadbir urus harta yang lebih kontekstual dan adil.

Dalam kerangka perundangan semasa di Malaysia, prosiding siasatan di bawah Bahagian X Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah memperuntukkan pelantikan jawatankuasa pentadbir harta, wali atau wasi bagi melindungi kebajikan dan harta individu tidak berkeupayaan (Mahmod et al., 2018; Che Soh @ Yusof et al., 2019; Tasyah & Irwan, 2024). Namun, pendekatan statutori sedia ada cenderung bersifat binari dan menyeluruh yang menganggap seseorang berupaya atau tidak berupaya secara total, menjadikannya kurang responsif terhadap sifat DID yang berfluktuasi mengikut masa dan identiti dominan. Sebaliknya, *Mental Capacity Act 2005* di United Kingdom memperlihatkan pendekatan yang lebih fleksibel dan berasaskan keputusan spesifik (*decision-specific and time-specific capacity*) berpandukan prinsip intervensi minimum, di samping menyediakan mekanisme *Lasting Powers of Attorney* (LPA), advokat bebas (IMCA) dan Mahkamah Perlindungan (Bartlett, 2014; Buchanan, 2004; Creyke, 2013; Donnelly, 2010; Harding, 2015). Perbandingan ini relevan bagi menilai kelompangan perundangan di Malaysia dan merangka model pengurusan harta yang selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.

Hasil Dan Perbincangan

Kedudukan Ahliyyah al-Ada' dan Tasarruf Harta Pesakit DID Menurut Fiqh Islam

Hasil kajian menunjukkan kedudukan *Ahliyyah al-Ada'* bagi penghidap DID tidak boleh dihukum secara mutlak sama ada wujud secara sempurna atau gugur sepenuhnya. Melalui analisis fiqh secara qiyas, keadaan penghidap DID mempunyai persamaan yang lebih hampir dengan kategori *junun ghayr mutbaq* (gila tidak berterusan) dan *atah* (kelemahan akal yang menjejaskan pertimbangan) di bawah perbahasan *'Awarid al-Ahliyyah* (Abdul Karim Zaidan, 2009; Al-Zuhayli, 2011; Spiegel et al., 2013). Dr. Tuan Syarifah binti Tuan Hadi (2026) dalam temu bual menegaskan bahawa pesakit DID mengalami episod amnesia disosiatif di mana identiti utama (*host*) sering kali langsung tidak menyedari tindakan kewangan yang dimeterai oleh identiti alternatif (*alter*), sekali gus menafikan kewujudan kerelaan dan niat yang hakiki dalam berakad (Ibn Qudamah, 2004; Taqi Usmani, 2022). Sehubungan itu, kajian merumuskan kedudukan tasarruf harta kepada dua fasa utama:

Fasa Identiti Utama (*Core/Host Identity Dominant*): Apabila pesakit berada dalam keadaan sedar, stabil serta berupaya memahami implikasi transaksi, mereka dianggap memiliki *Ahliyyah al-Ada' Kamilah*. Segala tasarruf harta seperti jual beli, hibah, wasiat dan wakaf adalah sah menurut hukum syarak kerana memenuhi rukun niat, keredaan dan pilihan (Al-Kasani, 2003). **Fasa Peralihan Identiti (*Alter Dominant*):** Apabila identiti alternatif menguasai diri individu sehingga menjejaskan kesedaran dan kefahaman, status kelayakan bertindak berubah kepada *'Adam al-Ahliyyah* atau *Ahliyyah Naqisah* (diqiaskan kepada *junun ghayr mutbaq* dan *atah*). Transaksi dalam fasa ini dianggap tidak sah (*bāṭil*) atau tertakluk kepada pengesahan (*mauquf/fasakh*) demi memelihara prinsip *hifz al-'aql* dan *hifz al-mal* (Ibn 'Abidin, 2000).

Kelompangan dalam Pemerkasaan Undang-Undang dan Pentadbiran Harta di Malaysia

Kajian mendapati wujud kelompangan kritikal dalam kerangka perundangan dan pentadbiran harta sedia ada di Malaysia (Donnelly, 2010; Mahmod et al., 2018):

Pendekatan Binari dan Tegar (*All-or-Nothing Approach*) dalam Akta 615: Bahagian X Akta Kesihatan Mental 2001 hanya mengiktiraf sama ada seseorang siuman sepenuhnya atau tidak siuman secara mutlak. Peguam Tuan Muhammad Syahri bin Adnan (2026) mengesahkan

perintah pelantikan jawatankuasa pentadbir harta (*committee of estate*) di Mahkamah Sivil melucutkan hak pengurusan pesakit secara total, menafikan hak pesakit DID untuk mengurus harta ketika berada dalam fasa identiti dominan yang waras (Nor et al., 2021).

Kelompangan Prosedur Pembuktian di Mahkamah Syariah: Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah belum menyediakan garis panduan prosedur yang jelas bagi membuktikan fasa kewarasan pesakit DID semasa sesuatu transaksi dimeterai. Ketiadaan protokol keterangan saksi pakar psikiatri (*expert witness*) menyebabkan beban pembuktian (*burden of proof*) menjadi kabur apabila waris mencabar keabsahan dokumen pindah milik atau hibah (Aziz et al., 2020).

Pendedahan kepada Risiko Eksploitasi dan Ketidakpastian Undang-Undang: Ketiadaan mekanisme intervensi bersyarat mendedahkan aset bernilai tinggi milik pesakit DID kepada risiko manipulasi pihak berkepentingan, selain menjejaskan kepastian undang-undang (*legal certainty*) terhadap pihak ketiga yang beriktikad baik (*bona fide*) (Che Soh @ Yusof et al., 2019; Md Hashim et al., 2017).

Cadangan Pemerkasaan Perundangan dan Pengurusan Harta Orang Islam yang Mengalami DID

Berasaskan sintesis data dokumen dan syor temu bual pakar, tiga cadangan utama dikemukakan:

Pindaan Akta Kesihatan Mental 2001 Menerusi Pendekatan *Decision-Specific* dan *Time-Specific Capacity*: Mengadaptasi prinsip *Mental Capacity Act 2005* (UK) dengan memberi ruang kepada mahkamah mengeluarkan perintah pelantikan pentadbir harta separa atau bersyarat mengikut tahap kefungsi pesakit (Creyke, 2013; Harding, 2015; Muhammad Syahri bin Adnan, 2026). Pesakit kekal berhak mengurus kewangan harian tetapi memerlukan sokongan bagi pelepasan aset berimpak tinggi.

Pembangunan Garis Panduan Keterangan Forensik Psikiatri di Mahkamah: Dr. Tuan Syarifah binti Tuan Hadi (2026) menekankan peri pentingnya kolaborasi melalui protokol klinikal-kehakiman standard bagi menilai rekod longitudinal dan mencerap sejarah pertukaran identiti, sekali gus meningkatkan ketepatan pembuktian syahadah di Mahkamah Syariah dan Sivil (Buchanan, 2004).

Pemerkasaan Instrumen Wakalah, Wisayah dan Amanah Bersyarat (*Conditional Living Trust*): Menggalakkan pesakit yang didiagnosis pada peringkat awal melantik pemegang amanah institusi seperti Amanah Raya Berhad atau syarikat amanah Islam ketika masih berada dalam fasa identiti utama. Kuasa pentadbiran distrukturkan untuk berkuat kuasa secara automatik hanya apabila disahkan berlakunya episod dekompensasi identiti, selaras dengan kaedah *Sadd al-Dhari'ah* dan objektif *Hifz al-Mal* (Al-Shatibi, 2004; Noor Lizza et al., 2019).

Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan implikasi penting kepada pihak penggubal dasar, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) serta Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Dapatan kajian menunjukkan bahawa gangguan mental yang bersifat fluktuatif seperti DID memerlukan pendekatan perundangan yang lebih responsif dan tidak terhad kepada penentuan keupayaan secara mutlak. Sehubungan itu, kajian ini boleh dijadikan asas dalam usaha menambah baik Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615), di

samping menyokong pembangunan dasar berkaitan pengurusan harta individu yang mengalami gangguan mental. Bagi institusi agama di peringkat negeri, dapatan ini turut membuka ruang kepada penyediaan garis panduan khusus berkaitan hibah, wasiat, amanah dan pengurusan harta yang melibatkan individu yang mempunyai kapasiti mental berubah-ubah, sekali gus mengurangkan pertikaian hak milik serta memperkukuhkan tadbir urus harta orang Islam.

Dari sudut masyarakat, kajian ini dapat meningkatkan kefahaman bahawa DID merupakan gangguan kesihatan mental yang diiktiraf dalam bidang psikiatri dan bukannya fenomena yang berpunca daripada tanggapan semata-mata. Kefahaman ini penting bagi mengurangkan stigma terhadap penghidap DID serta mewujudkan pendekatan yang lebih adil dalam mengurus hak dan kepentingan mereka. Selain itu, dapatan kajian turut memberikan panduan kepada ahli keluarga, penjaga dan pihak yang menguruskan harta agar mengambil langkah perlindungan lebih awal melalui instrumen seperti wakalah, amanah dan hibah bersyarat. Langkah ini bukan sahaja melindungi kepentingan harta penghidap DID, malah mengurangkan risiko eksploitasi kewangan serta pertikaian apabila individu berada dalam fasa ketidakstabilan.

Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur fiqh kontemporari dengan menghubungkan konsep '*Awarid al-Ahliyyah* dalam fiqh klasik dengan perkembangan ilmu psikologi dan psikiatri moden. Dapatan kajian membuktikan bahawa prinsip-prinsip fiqh mempunyai sifat yang dinamik dan relevan untuk diaplikasikan dalam menyelesaikan isu kontemporari yang tidak dibincangkan secara khusus oleh fuqaha terdahulu. Selain merapatkan jurang antara disiplin fiqh dan sains kesihatan mental, kajian ini menawarkan satu kerangka penilaian '*Ahliyyah al-Ada*' yang mengambil kira perubahan kapasiti mental secara berperingkat sebagai rujukan penyelidikan lanjutan dalam bidang fiqh muamalat dan pengurusan harta Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kedudukan '*Ahliyyah al-Ada*' individu yang mengalami Gangguan Identiti Disosiatif (DID) tidak boleh ditentukan secara mutlak sama ada sempurna atau gugur sepenuhnya. Sifat DID yang fluktuatif dan bergantung kepada keadaan menyebabkan tahap kesedaran, kefahaman dan keupayaan membuat keputusan individu boleh berubah mengikut fasa identiti. Berdasarkan analisis fiqh secara *qiyas*, keadaan ini lebih hampir dengan konsep *junūn ghayr mutbaq* dan '*atah*', iaitu keadaan gangguan akal yang tidak semestinya berterusan. Oleh itu, tasarruf harta ketika individu berada dalam fasa identiti utama (*host*) dan mempunyai kesedaran serta kefahaman yang mencukupi boleh dianggap sah, manakala tasarruf yang dilakukan ketika fasa *alter* sehingga menjejaskan *al-qasd*, *al-ridha* dan *al-rusyd* memerlukan penelitian terhadap status keabsahannya. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *Hifz al-'Aql* dan *Hifz al-Mal* dalam Maqasid Syariah.

Dari sudut perundangan, kajian mendapati terdapat kelompangan dalam kerangka sedia ada di Malaysia dalam menangani pengurusan harta individu yang mempunyai kapasiti mental yang berubah-ubah seperti DID. Pendekatan yang bersifat binari dalam Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615), di samping ketiadaan prosedur khusus di Mahkamah Syariah bagi membuktikan keadaan mental individu ketika sesuatu transaksi dilakukan, boleh menimbulkan ketidakpastian terhadap keabsahan akad dan pengurusan harta. Keadaan ini turut berpotensi mendedahkan harta individu kepada eksploitasi serta menjejaskan kepastian undang-undang kepada pihak ketiga yang beriktikad baik. Justeru, penilaian kapasiti yang lebih fleksibel dan bersesuaian dengan sifat DID diperlukan agar hak individu tidak dinafikan secara menyeluruh ketika mereka masih mempunyai keupayaan membuat keputusan.

Sehubungan itu, kajian mencadangkan pemerkasaan kerangka pengurusan dan pentadbiran harta melalui tiga pendekatan utama, iaitu pindaan perundangan dengan mengadaptasi prinsip *decision-specific* dan *time-specific capacity*, pembangunan garis panduan keterangan forensik psikiatri bagi membantu mahkamah menentukan keadaan mental individu ketika transaksi, serta pemerkasaan instrumen *wakalah*, *wisayah* dan amanah bersyarat. Pendekatan tersebut membolehkan perlindungan harta dilaksanakan secara bersasar tanpa menafikan hak individu yang masih berkeupayaan. Pada masa yang sama, ia dapat memperkukuhkan kerjasama antara institusi kehakiman, pakar psikiatri dan institusi agama dalam memastikan pengurusan harta dilaksanakan secara adil, berkesan dan selaras dengan prinsip Syariah serta Maqasid Syariah.

Rujukan

- Abd al-Wahhab Khallaf. (2020). *'Ilm Usul al-Fiqh*. Kaherah: Ibda' li al-I'lam wa al-Nasyr.
- Abdul Karim Zaidan. (2009). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Abu Zahrah, M. (1994). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Bahrul Hikam, & Muh Anshori. (2025). Praktik pemenuhan hak akses keagamaan penyandang disabilitas sensorik berdasarkan konsep ahliyyah. *Jurnal Hukum Islam*, 12(1), 45-62.
- Ahmad, M. A. R. (2021). Wasiyyah as an alternative in Malaysian Muslim estate planning. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(6), 3184-3192.
- Aijia Yang, Shiyang Luo, Yihong Liu, & Changqi Wang. (2024). The study of dissociative identity disorder: Etiology, cognitive ability and treatment. *Highlights in Science, Engineering and Technology*, 85, 112-119.
- Akhbar tempatan 'Berita Harian' bertarikh 10 Oktober 2022. Panggilan perkhidmatan MHPSS KKM meningkat mendadak pasca-pandemik.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din. (2003). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. (2005). *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin fi al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fayha'.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq. (2004). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Al-Khobar: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Zuhayli, W. (2011). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Jil. 4 & 5). Damsyik: Dar al-Fikr.
- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (5th ed.). Washington, DC: American Psychiatric Publishing.
- Aziz, A. A., Mohd, A., & Abdul Rahman, R. (2020). Keterangan pakar perubatan dalam penentuan keupayaan mental pewasiat di Mahkamah Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 89-112.
- Bartlett, P. (2014). The Mental Capacity Act 2005: A review of its functioning and potential for reform. *Medical Law Review*, 22(1), 1-25. <https://doi.org/10.1093/medlaw/fwt030>
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589-597. <https://doi.org/10.1080/2159676X.2019.1628806>
- Buchanan, A. (2004). Mental capacity, legal competence and consent to treatment. *Journal of the Royal Society of Medicine*, 97(9), 415-420. <https://doi.org/10.1177/014107680409700903>
- Che Soh @ Yusof, R., Ismail, S. Z., & Hashim, H. N. (2019). Protection of vulnerable adults in property and financial transactions: An appraisal of the legal framework in Malaysia. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 46(2), 45-68.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). Los Angeles: SAGE Publications.

- Creyke, R. (2013). Capacity and decision-making: The role of the surrogate. *Journal of Law and Medicine*, 21(1), 32-46.
- Donnelly, M. (2010). *Healthcare Decision-Making and the Law: Autonomy, Capacity and the Limits of Liberalism*. Cambridge: Cambridge University Press.
<https://doi.org/10.1017/CBO9780511761270>
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001 (Enakmen 4).
- Harding, R. (2015). *Duties to Care: Dementia, Relationality and Law*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. (2000). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, 'Abdullah bin Ahmad. (2004). *Al-Mughni*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- Kissa, A., Korch, N., Ait Bensaid, S., Bahetta, S., & Ouanass, A. (2025). Dissociative identity disorder in patients under stress. *Pan African Medical Journal*, 48, 110-118.
- Kluft, R. P. (2005). The disowned self: The psychopathology of dissociation. *Psychiatric Clinics of North America*, 28(2), 481-499.
- Mahmod, N. A. K., Abdul Ghadas, Z. A., & Zakaria, M. Z. (2018). Legal mechanisms in protecting the property of mentally incapacitated persons in Malaysia: A critical review. *Malayan Law Journal*, 4, i-xx.
- Martin J. Dorahy, Bethany L. Brand, Vedat Şar, Christa Krüger, Pam Stavropoulos, Alfonso Martínez-Taboas, Roberto Lewis-Fernández, & Warwick Middleton. (2014). Dissociative identity disorder: An empirical overview. *Australian & New Zealand Journal of Psychiatry*, 48(5), 402-417.
- McAllister. (2000). Dissociative Identity Disorder: A Literature Review. *Journal of Psychiatric and Mental Health Nursing*, 7(1), 25-33.
- Md Hashim, A., Abdul Rahim, A. A., & Mohamad, N. A. (2017). Financial exploitation of vulnerable elders: The need for a legal framework in Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law*, 14(4), 51-58.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2025). *Panduan Asas Kesihatan Mental Berdasarkan Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Edisi Ke-5*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip. (2026). Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris. Temu Bual, 30 Januari 2026.
- Monika, F., Bolek, M., Jagieła, B., Kędzia, A., Musialska, D., & Minkiewicz, M. (2025). Dissociative Identity Disorder: A comprehensive review of etiology, diagnosis, neurobiology, and treatment. *Quality in Sport*, 11(2), 34-49.
- Muhammad Labib Syauqi, & Ahmad Yusuf Prasetiawan. (2024). Fiqih bagi penyandang disabilitas mental; telaah hukum Islam terhadap konsep ahliyyah dan maslahah. Universitas Jenderal Soedirman.
- Muhammad Syahri bin Adnan. (2026). Peguambela & Peguamcara Syarie Terengganu. Temu Bual, 4 Februari 2026.
- Muhammad Taqi Usmani. (2022). *Fiqh al-Buyu' 'ala al-Mazhab al-Arba'ah*. Damsyik: Darul Qalam.
- Noor Lizza Mohamed Said, Wan Amirul Adli Wan Ayub, Mohd Zamro Muda, Adnan Mohamed Yusoff, & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2019). Pengamanahan dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(2), 65-78.
- Nor, M. Z. M., Ismail, M. S., & Salleh, K. M. (2021). The adjudication of mental capacity in Malaysian courts: Issues and challenges. *Current Law Journal*, 3, i-xv.
- Perundangan Malaysia. (2001). *Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615)*.

- Saxena Mudit, Sachin Tote, & Bhagyesh Sapkale. (2023). Multiple personality disorder or dissociative identity disorder: Etiology, diagnosis, and management. *Cureus*, 15(11), e48210.
- Sitti Astika Yusuf, & Uswatun Khasanah. (2019). Kajian literatur dan teori sosial dalam penelitian. *Jurnal Komunika*, 8(1), 77-88.
- Spiegel, D., Lewis-Fernández, R., Lanius, R., Vermetten, E., Simeon, D., & Friedman, M. (2013). Dissociative disorders in DSM-5. *Annual Review of Clinical Psychology*, 9, 299-326. <https://doi.org/10.1146/annurev-clinpsy-050212-185531>
- Syura Shahidan. (2022, 19 Jun). *NONA | Survival: Wanita Mempunyai 20 Identiti* [Video]. TV3. <https://www.youtube.com/watch?v=0sy0evrnto>
- Tasyah Ramadhani, & Irwan. (2024). Legal protection of persons with mental disabilities in managing inheritance case study of Dalu Village 10A. *Jurnal Daulat Hukum*, 7(2), 120-131.
- Tri Prima Widyaishwara, & Syaifudin Zuhdi. (2023). Konsep ahliyah bagi ahli waris yang mengalami gangguan mental psikosis singkat. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Tuan Syarifah binti Tuan Hadi. (2026). Konsultan Psikiatri Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu. Temu Bual, 2 Februari 2026.
- Vedat Şar, Martin J. Dorahy, & Christa Krüger. (2017). Revisiting the etiological aspects of dissociative identity disorder: A biopsychosocial perspective. *Psychology Research and Behavior Management*, 10, 137-146.
- Wiktor Orlof, Emil B. Rozenek, Napoleon Waszkiewicz, & Bogumita Szewczak. (2021). Dissociative identity (multiple personality) disorder in Poland: A clinical case description and diagnostic difficulties. *Psychiatria Polska*, 55(4), 841-852.
- Zuliza Mohd Kusrin, Muhammad Nazir Alias, Roseliza Murni Ab. Rahman, Mohd Al-Adib Samuri, Wafaa' Yusof, Mat Noor Mat Zain, Juriza Ismail, Aliza Alias, & Abdul Muhaimin Mahmood. (2024). Penentuan status ahliyyah individu Muslim autisme. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 29(1), 1-18